

27/10/2002

Kalau tiada urusan, tidak perlu ke AS

Kadir Dikoh

"KALAU tiada apa-apa urusan, tak payah pergi Amerika sekarang. Menyusahkan!," kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang turut berada di Los Cabos.

Sebenarnya, kata Syed Hamid bukan saja Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang pernah dikasari, malah ramai lagi termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Jalil.

"Rafidah lagi teruk tetapi beliau tidak mahu menceritakannya. Begitu juga Shahrizat," katanya. Tidak diketahui sama ada Syed Hamid merujuk kepada kejadian 'panty liner' membabitkan Rafidah atau kes lain.

Abdullah yang pernah terkena sebelum ini, datang ke Los Cabos petang kelmarin melalui London mengguna Falcon iaitu jet kerajaan Malaysia, tanpa melalui Amerika Syarikat.

Namun, pihak Wisma Putra membuat tempahan di 15 lokasi termasuk membabitkan beberapa lapangan terbang di Amerika Syarikat untuk Falcon yang membawa Abdullah, sebagai persediaan bagi membolehkannya mendarat di mana saja apabila keadaan memerlukan. Ini adalah perkara biasa.

"Jalan yang paling selamat tanpa pemeriksaan rapi ialah melalui jalan darat untuk ke Amerika. Jangan terkejut, hanya lokasi di lapangan terbang saja mengadakan pemeriksaan amat ketat," kata rakan wartawan dari Malaysia tetapi bertugas di New York.

Sebenarnya, jika anda berkunjung ke Amerika Syarikat berhati-hatilah membawa barangan dalam beg bimbit. Ini kerana pihak berkuasa terutama Imigresen di lapangan terbang akan memeriksa segala-galanya.

Seorang wanita berkulit hitam yang kebetulan berada di depan penulis ketika beratur untuk pemeriksaan Imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Dallas baru-baru ini mengeluarkan baju dalamnya daripada beg bimbit kepada seorang pegawai Imigresen.

Mungkin kerana geram dengan kerenah pegawai terbabit, wanita muda itu secara selamba menarik pakaian itu dari dalam beg dan dengan nada suara meninggi, dia berkata: "Tuan, ini saja yang ada, nak periksa?"

Pemeriksaan terhadap Rafidah baru-baru ini begitu ketat. "Seorang pegawai yang mahu memeriksa beg saya, menekan jarinya pada beg yang saya bawa dan terpegang benda lembut. Bila dia tanya apa bendanya dalam beg itu, saya terus menjawab "ini panty liner" dengan nada suara agak tinggi supaya boleh didengar oleh orang sekeliling. Tersegan silu pegawai lelaki itu, padan muka," katanya ketika berbual-bual dengan wartawan Malaysia yang membuat liputan mesyuarat Apec di Los Cabos, Mexico. Suaminya yang hadir sama, cuma tersenyum.

Masalahnya kata Rafidah, operasi pemeriksaan di lapangan terbang di Amerika Syarikat sudah diswastakan, menyebabkan sesetengah kakitangan itu mengada-ngada apabila membuat pemeriksaan, berlagak lebih.

Satu lagi kejadian mengaibkan ialah membabitkan seorang puteri raja dari negara Asean apabila badannya diperiksa. "Pada hal tiada siapa boleh menyentuhnya," kata seorang pegawai diplomatik di sini yang mendakwa melihat sendiri kejadian itu di salah sebuah lapangan terbang di Amerika.

Penulis sendiri bukan saja diminta membuka kasut, malah di dalam kasut itu juga diperiksa oleh pegawai menggunakan sarung tangan. Kasut turut diletakkan untuk imbas x-ray. Tapi saya lebih bernasib baik berbanding rakan wartawan dari Utusan Malaysia, Abdullah Hassan yang disoal siasat

selama tiga jam, cop jari telunjuk kedua-dua tangan serta gambarnya diambil.

"Agaknya, nama Abdullah kini sudah dimasukkan dalam senarai Al-Qaeda," kata seorang rakan lagi melawak.

Seperti biasa bagi kebanyakan rakyat Malaysia yang ke luar negara, mereka amat merindui makanan tempatan. Tapi di Los Cabos, makanannya tidak sedap dan ini diakui sendiri oleh Syed Hamid.

Di Los Cabos, makanannya juga mahal dan tiada langsung restoran makanan halal. Nasinya pula tidak sedap kecuali makanan laut seperti lobster atau udang kecil.

"Di sini tak ada nasi lemak atau roti canai," kata duta Malaysia ke Mexico, Muhammed Halim.

Tetapi di Los Cabos dan bandar seperti Cabo San Lucas adalah syurga membeli-belah hiasan daripada perak seperti gelang, rantai dan cuping telinga yang dipasang bersama permata pelbagai warna.

Bandarnya kecil dan kebanyakan bangunan adalah rendah. Sekitar bandar bersih apatah lagi terletak di tepi pantai dengan pasirnya memutih. Suasana terutama pada sebelah lewat petang amat mempesonakan.

"Dia orang ini nampak gembira saja, macam tak ada masalah sedangkan ekonomi Mexico itu sendiri sudah teruk," kata seorang rakan.

Di Mexico, wanitanya cantik-cantik. Payahnya ialah kebanyakan rakyatnya tidak boleh bercakap dalam bahasa Inggeris kerana bahasa Sepanyol meluas diguna serta menjadi bahasa rasmi negara. Malah siaran televisyen menggunakan bahasa Sepanyol dan ada saluran khas CNN menggunakan bahasa itu.